

14/12/1999

Prestasi dinilai setiap tahun

ALOR STAR, Isnin - Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain berkata, prestasi semua anggota Exco yang mengangkat sumpah hari ini, akan dinilai setiap tahun.

Katanya, pucuk pimpinan kerajaan dan parti boleh menggantikan mereka, jika gagal menunjukkan perkhidmatan yang memuaskan.

Barisan Exco yang dianggotai lima muka baru itu juga diminta melepaskan kepentingan perniagaan masing-masing jika ada, serta mengisytiharkan harta mereka.

Seperti ketika pentadbiran Tan Sri Sanusi Junid, Syed Razak juga mengamalkan kaedah pelantikan untuk setahun dengan Exco perlu mengangkat sumpah semula selepas tempoh berkenaan tamat.

Ketika ditemui selepas majlis itu, Syed Razak berkata bergantung kepada prestasi, mereka mungkin kekal untuk satu penggal walaupun perlu mengangkat sumpah jawatan setiap tahun.

Katanya, prestasi akan dinilai dari semasa ke semasa dan mereka mungkin bertukar portfolio atau diganti terus dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) lain jika gagal menunaikan tanggungjawab secara berkesan.

Syed Razak berkata, selain beliau, prestasi Exco turut dinilai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempersetujui pemilihan mereka.

"Selain saya menilai prestasi Exco, keberkesanan dan kemampuan saya sendiri akan dinilai oleh Perdana Menteri dan rakyat. Saya yakin barisan Exco ini mampu membantu saya melaksanakan pelbagai program membangunkan negeri dan rakyat.

"Barisan kali ini juga adalah gabungan pelbagai bidang dan kepakaran untuk membangunkan Kedah," katanya.

Mengenai pengisytiharan kepentingan perniagaan dan harta Exco, Syed Razak berkata, beliau mahu memastikan semua yang dipilih memberi tumpuan terhadap tugas dan berkhidmat untuk rakyat.

"Sebagai ahli politik dan dilantik sebagai Exco mereka tidak sepatutnya berniaga. Jika ada mereka perlu melepaskannya," katanya.

Mengenai perbuatan beberapa ahli Exco sebelum ini yang kekal berniaga, termasuk mempunyai dua pejabat, iaitu pejabat Exco dan pejabat syarikat perniagaan, Syed Razak berkata mereka yang dilantik perlu berhenti daripada berniaga.

Berhubung pemilihan Rosnah Majid sebagai Exco wanita pertama di Kedah, Syed Razak berkata, tidak ada banyak perbezaan antara lelaki dan wanita kerana yang penting adalah kemampuan mencetuskan idea serta melaksanakan program yang dirancang.

"Lelaki atau wanita adalah sama tetapi pelantikan Rosnah boleh kita anggap sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap wanita di Kedah," katanya.

Syed Razak juga ditanya mengenai wawasannya dan projek pembangunan yang bakal diberikan tumpuan.

Katanya, semua projek pembangunan yang diluluskan sebelum ini akan dilaksanakan, kecuali beberapa projek yang mungkin perlu dikaji semula sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

Beliau berkata, projek tambak laut sepanjang 100 kilometer di perairan Kedah, akan diteruskan jika ada syarikat swasta yang bersedia melaksanakannya.

Projek ternakan udang harimau di Kerpan yang terbengkalai lebih lima

tahun itu turut menjadi perhatiannya.
(END)